



**PERBADANAN MUZIUM MELAKA  
KOMPLEKS WARISAN MELAKA  
JALAN KOTA  
75000 MELAKA**

**TEL : 06-2826526, 2811289 / FAKS : 06-2826745**

---

Peluang kerjaya bagi warganegeri Melaka yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Muzium Melaka.

- 1. Nama Jawatan : JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17**
- Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sistem Maklumat  
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
Bilangan Kekosongan : 1  
Taraf Jawatan : Tetap  
Gred dan Jadual Gaji : P1T1 RM 843.06 – P1T26 RM 2,325.37

**Syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) dalam bidang elektrik atau elektronik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - b) Sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**( Gaji permulaan ialah pada Gred FT17 : P1T9 );**
- dan Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas atau hadir dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Perjawatan yang boleh didapati secara PERCUMA daripada **Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kompleks Warisan Melaka, Jalan Kota, 75000 Melaka** pada waktu pejabat atau sila layari laman web PERZIM: [www.perzim.gov.my](http://www.perzim.gov.my) untuk mendapatkan Borang Perjawatan, maklumat syarat lantikan dan cara memohon. Tarikh akhir untuk mendapatkan borang di PERZIM pada **15 Mei 2009**.
- b) Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu Borang Perjawatan sahaja.
- c) Semua permohonan hendaklah menyertakan salinan ijazah, diploma, sijil atau dokumen berkaitan yang disahkan mengikut kelayakan yang disyaratkan.
- d) Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan **surat pengesahan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini**.
- e) Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.

### Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**

- i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan.
- ii) borang tidak diisi dengan lengkap
- iii) tidak ditulis nombor Kad Pengenalan.
- iv) tidak ditandatangani

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**PENGURUS BESAR  
PERBADANAN MUZIUM MELAKA  
KOMPLEKS WARISAN MELAKA  
JALAN KOTA,  
75000 MELAKA.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 19 Mei 2009**

### **CATATAN:**

- i) Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii) Permohonan –permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.